



AJK ... Datin Roha Asmara (duduk, enam dari kanan) merakamkan gambar kenangan bersama Exco Tertinggi KESUMBA dan ahli-ahli KESUMBA.

## KESUMBA anjur Mesyuarat Agung Tahunan ke-21

NST 5.7.2018 2

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-21 di Dewan Auditorium Pascasiswazah, Universiti Malaysia Sabah (UMS), baru-baru ini.

Mesyuarat yang dipengerusikan Timbalan Pendaftar UMS, Norti Sirin menyaksikan seramai 138 ahli hadir, selain beberapa kakitangan wanita UMS turut mendaftar sebagai ahli baharu.

Terdahulu, Yang Dipertua KESUMBA, Datin Roha Asmara pada majlis

tersebut mengambil kesempatan menyampaikan ucapan Salam Aidilfitri kepada semua barisan Exco Tertinggi KESUMBA dan seluruh ahli KESUMBA yang hadir pada mesyuarat Agung kali ini.

“Setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa pelaksana dan semua ahli atas komitmen dan dedikasi yang tinggi sehingga mesyuarat ini dapat diadakan mengikut takwim yang telah ditetapkan.

“Harapan saya agar kerjasama dan

komitmen yang tidak berbelah bahagi di antara ahli KESUMBA dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kelab mampu memberi impak yang positif kepada ahli sekali gus meningkatkan ukhuwah sesama ahli kelab,” katanya.

Turut hadir pada mesyuarat itu Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dr. Aza Sherin Mohamad Yusuff dan Ketua Pejabat Canselori, Jabatan Canselori, Stella @ Nurul Martini Gontol.